



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN TENDER
15 NOVEMBER 2021**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi menyertai tender berikut:

No. Tender	Tajuk	Kelas Pendaftaran	Harga Dokumen (RM)	Tarikh, Masa & Tempat Taklimat
T/SUKNS/ BIL.4/2021	Tawaran Untuk Perkhidmatan Pembersihan Bangunan Pejabat Dan Kawasan Sekitar Wisma Negeri Dan Bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN) Seremban	221001 & 221002	RM50.00 setiap satu borang	Tarikh : 22 November 2021 Masa : 10.00 pagi Tempat : Dewan Theatre Tingkat G Wisma Negeri 70503 Seremban Negeri Sembilan Peringatan: Kehadiran taklimat adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri taklimat. Sebarang rayuan tidak akan diterima.

Dokumen tender boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai **22 November 2021** (selepas taklimat tender) hingga **10 Disember 2021** di **Bilik Mesyuarat Cempaka (Unit Kewangan), Tingkat 1, Blok D, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan** dengan menunjukkan **Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan** dalam kod bidang seperti di atas dan **Sijil Taraf Bumiputera** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender. Dokumen tender boleh dibeli dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang ditetapkan di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat B1, Blok D, Laluan Kafeteria, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan** sebelum atau pada pukul **12.00 tengah hari 13 Disember 2021**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan dan syarikat yang tidak menghadiri taklimat pada tarikh dan masa ditetapkan tidak layak memasuki tawaran tender. Sebarang pertanyaan dan kemusykilan mengenai tender ini, boleh menghubungi di talian berikut **06-7602050** (Unit Pengurusan Bangunan Dan Aset) / **06-7602045** atau **06-7659917** (Unit Kewangan).